

U B939 DEB
MAHATHIR - RUMAH 1985

PULAU PINANG, 2 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN MEMBINA RUMAH AWAM KOS RENDAH KERANA MAHU MENENTUKAN SETIAP RAKYAT MEMPUNYAI RUMAH YANG SEMPURNA WALAUPUN DALAM USAHA INI KERAJAAN TERPAKSA MENANGGUNG KERUGIAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MEMBINA RUMAH JENIS INI DENGAN PERBELANJAAN YANG LEBIH TINGGI DARIPADA HARGA JUALAN.

BERUCAP MERASMIKAN RANCANGAN PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH DI JALAN BATU LANCANG DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA PENDUDUK YANG MENDAPAT RUMAH SEPERTI INI ADALAH BERNASIB BAIK.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENYATAKAN DENGAN RUMAH SEPERTI INI KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMENUHI SEGALA-SEGALA YANG DAPAT MEMUASKAN HATI MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN MEREKA SUPAYA MENJAGA KEBERSIHAN RUMAH DAN SEKELILING KERANA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN INI TIDAK BERMAKNA KALAU TIDAK DIPERLIHARA. -- LAGI.

1917MST 02 08 85

U B940 DEB
MAHATHIR - RUMAH 2 PULAU PINANG

BELIAU TIDAK MAHU MEREKA MEROSAKKAN KEMUDAHAN YANG TELAH DIBINA OLEH KERAJAAN KERANA DENGAN PERBUATAN INI AKAN MEMBEBANKAN KERAJAAN UNTUK MENGELUARKAN WANG UNTUK MEMPERBAIKINYA.

PARA PENDUDUK HENDAKLAH BEKERJASAMA MENJAGANYA DAN JANGANLAH SEGALA-GALANYA DIPERTANGGUNGJAWABKAN KEPADA KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PARA PENDUDUK YANG TINGGAL DI RANCANGAN PERUMAHAN INI MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN DI ANTARA MEREKA TERUTAMANYA DALAM MENERGATKAN LAGI PERPADUAN DAN PERSEFAHAMAN DI ANTARA KAUM

MEREKA JANGANLAH TINGGAL MENGASING-ASINGKAN DIRI TANPA MENGHIRAUKAN JIRAN-JIRAN DAN HINDARKAN PERASAAN SYAK WASANGKA.

PERUMAHAN SEPERTI INI BOLEH MERAPATKAN LAGI KERJASAMA DAN PERPADUAN DI ANTARA KAUM KERANA MEREKA HIDUP SEBELAH-MENYEBELAH SERTA DAPAT MEMAHAMI KEBUDAYAAN DAN CORAK HIDUP MASING-MASING. -- LAGI.

1921MST 02 08 85

MAHATHIR - RUMAH 3 PULAU PINANG

HUBUNGAN MUHIBBAH DAPAT DIJALIN DENGAN MENGADAKAN PERJUMPAAN DAN PERBINCANGAN ANTARA PARA PENGHUNI DAN LANGKAH INI JUGA DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH YANG DIHADAPI.

TURUT HADIR DI UPACARA PERASMIAN ITU IALAH KETUA MENTERI, DR. LIM CHONG EU, TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, DATUK S.SUBRAMANIAM DAN PARA ANGGOTA EXCO NEGERI.

BELIAU TELAH MENYERAHKAN ANAK KUNCI RUMAH KEPADA PENGHUNI RANCANGAN ITU SERTA MELAWAT DUA BUAH RUMAH DENGAN DIIRINGI OLEH DR. LIM. -- BERNAMA.

1924MST 02 08 85